



Professorial Lecture UiTM
Professor Dr. S. Salahudin Suyurno
Agama Mencorak Komunikasi Berakhlak



Program

Professorial Lecture UiTM

Anjung Seri Budiman, UiTM Shah Alam

23 April 2026 (Khamis), Jam 9.30 pagi

Nama Professor Dr. S. Salahudin Suyurno
Tajuk Agama Mencorak Komunikasi Berakhlak
Jangka masa : 1 jam 56 minit

Transkrip:

41:37 : Alhamdulillah. Jadi sebelum saya membuat rumusan, membuat khulasah. Kepada, kita panggil sebagai masterpiece lah. Sepanjang 30 tahun terlibat sebagai academician ini, saya datangkan dengan satu kajian makalah rumusan pada hari ini iaitu Agama Mencorak Komunikasi Berakhlak.

41:58 : Kerana, inilah bidang hujahan yang saya minati sejak tahun 2005 tempoh hari. Saya dah mula menceburkan diri dalam bidang ahlak, komunikasi keagamaan dan sebagainya. Saya nak bacakan juga pantun sebelum saya mulakan secara ringkas ini. Kalau tadi, Dr. Syahiran kata orang Kedah tak ada pantun.
Yang ada, lagu tu, lagu ni, lagu mana? Tiga. Saya bila tengok sahabat saya, saya create terus lah pantun. Minta maaf lah.

42:29 : Poesting diberi nama,
Lagu mendayu sedap belaka,
Penting agama itu menjadi utama,
Selalu diberkati peroleh pahala.

Dan semalam dalam perjalanan saya sebenarnya daripada Shah Alam, selepas tamat pukul enam setengah mesyuarat, saya ke kampung Sekinchan sepanjang jalan. Sejam setengah tu mendengar lagu-lagu Pink.

42:49 : Masih kau ingat dan sebagainya. Adakah kau masih setia dan sebagainya. Tapi saya tak aktif menyanyi Pink. Lepas ni ajarkan saya. InsyaAllah.

Rambut dan janggut sudah memutih,
Itu tanda saya dah tua,
Hidup di dunia hati mesti bersih,
Allah dan Rasul insyaAllah sayang sentiasa.

Yang akhir sebelum saya mulakan.

Pergi ke taman memetik malati,
Singgah sebentar di tepi perigi,
Lidah dijaga tanda bererti,
Ahlak komunikasi cerminan diri.



Program

Professorial Lecture UiTM

Anjung Seri Budiman, UiTM Shah Alam

23 April 2026 (Khamis), Jam 9.30 pagi

Nama Professor Dr. S. Salahudin Suyurno
Tajuk Agama Mencorak Komunikasi Berakhlak
Jangka masa : 1 jam 56 minit

Transkrip:

- 43:21 : Jadi insyaAllah tuan-tuan, saya akan rumuskan apa yang telah saya tulis. Apa yang telah saya hasilkan dan mendapat kerjasama yang cukup jitu. Daripada pihak pengurusan tertinggi, sebelum saya lanjut. Awalnya saya ucapkan taniah, terima kasih yang tak terhingga kepada pengurusan tertinggi universiti.
- 43:41 : Dato' Naib Canselor-nya, LPU-nya, daripada MPK-nya. Rakan-rakan rektor, rakan-rakan dekan. Mereka berutus Whatsapp pada saya pada hari ini. Ramai yang tak boleh hadir kerana ada mesyuarat LPU, ada mesyuarat dengan lembaga rektor universiti dan juga majlis dekan. Jadi alhamdulillah pada sahabat saya, dua orang dekan yang boleh mewakili mereka. Taniah, terima kasih yang tak terhingga kerana sudi menyerikan majlis kami.
- 44:06 : Hadirin sekalian, tajuk syarahan profesor saya iaitu agama mencorak komunikasi berakhlak. Tajuknya simple. Tajuknya mudah.

Tajuknya orang akan nampak apa yang akan saya sampaikan. Sebenarnya, bila kita sebut agama mencorak komunikasi berakhlak, saya akan fokus dalam 30 minit ini insyaAllah, lebih kepada bagaimana komunikasi konvensional, komunikasi tradisional yang menjadikan kita sebagai manusia yang hidupnya saling berakhlak, saling beradab, saling jaga-menjaga, saling membangunkan. Itulah premis kepada terdekatnya makalah ini.

Justeru itu, kandungan buku ini saya pecahkan kepada empat tentang hidup beragama dan bagaimana lontaran daripada hadis Nabi SAW apabila Malaikat Jibril bertemu baginda Nabi SAW bertanyakan "Mahwal Iman, Mahwal Ihsan dan Mahwal Iman, Mahwal Islam dan Mahwal Ihsan. Itulah yang saya akan bermula premis dalam pembentangan ini menunjukkan betapa agama dan kehidupan itu sangat tidak boleh dipisahkan. Bahkan agama dan kehidupan itu khususnya komunikasi wajib kita gabungkan supaya ukhwah sesama kita, supaya masyarakat kita khususnya akan lebih makmur dan akan lebih menjadi orang yang bersaudara.



Program

Professorial Lecture UiTM

Anjung Seri Budiman, UiTM Shah Alam

23 April 2026 (Khamis), Jam 9.30 pagi

Nama Professor Dr. S. Salahudin Suyurno
Tajuk Agama Mencorak Komunikasi Berakhlak
Jangka masa : 1 jam 56 minit

Transkrip:

- 45:42 : Dato'-Dato', Profesor dan Datin-Datin, tuan-tuan yang saya raikan. Saya mulakan dengan beberapa contoh isu komunikasi semasa. Dalam dunia hari ini, maklumat di hujung jari. World become very small. Jarak bukan menjadi satu faktor yang menjauhkan kita bahkan jarak kadang-kadang memudahkan kita untuk berinteraksi tetapi kadang-kadang kita terlupa. Kita duduk semeja, kita duduk satu lokasi yang sama tetapi hati kita jauh kerana adanya perkara-perkara ini. Sebagai contoh, yang pertama. Hari ini kita dipenuhi dengan fake news dan juga misinformation.
- 46:21 : Akhbar kita, media baharu kita, medsos kita, bagaimana pada hari ini? Negara boleh berbalah, masyarakat boleh berpecah. Fitnah dan tomahan, bebas berterbangan. Ucapan kebencian, propaganda di spin, sensasi dan sebagainya.
- Sampailah kepada yang terakhir, antara yang paling kritikal pada hari ini iaitu pengaibaaian etika semasa berdialog. Walaupun dalam Quran, Allah sebut, itu adalah perintah dalam al-Quran tapi realiti pada hari ini secara konvensional mahupun secara media sosialnya, perkara ini seolah-olah mungkin saya, mungkin kita, kita tinggalkan. Itulah menjadi premis pertama. Kenapa? Saya mengembalikan semula tajuk agama ini mencorak komunikasi berakhlak. Tuan-tuan, puan-puan, hadirin sekalian. Secara ringkas, al-Din.
- 47:18 : Sarjana banyak menjelaskan al-Din pelbagai itu dan sebagainya. Tetapi saya nak rangkumkan sahaja. Al-Din ini adalah satu yang disebut sebagai merujuk kepada keyakinan dan kepatuhan kepada Allah s.w.t. Bermaksud dalam al-Din ini, tertimbul lah di situ pernyataan-pernyataan seperti peraturan, undang-undang, taat dan patuh. Timbul lah di situ perkataan ketuhanan, nasihat dan agama. Inilah pegangan ulama-ulama silam kita. Bila sebut al-Din, al-Dinun Nasihah.
- Agama itu ialah Nasihah. Bila dia tanya kepada Nabi SA.W. "Kepada siapa wahai Nabi. Jawabnya, kepada Allah, Rasul dan Masyarakat."
- Jadi ini menunjukkan bahawa agama itu adalah tunjang kepada kehidupan masyarakat kita. Lebih-lebih lagi dalam suasana pada hari ini yang seolah-olah agama itu sudah dijadikan barang kedua, ketiga ataupun yang keempat. Pada hari ini, penyelewangan dalam agama cukup banyak dan malah pada hari ini yang menakutkan bagaimana masyarakat atheist semakin hari semakin berkembang.



Program

Professorial Lecture UiTM

Anjung Seri Budiman, UiTM Shah Alam

23 April 2026 (Khamis), Jam 9.30 pagi

Nama Professor Dr. S. Salahudin Suyurno
Tajuk Agama Mencorak Komunikasi Berakhlak
Jangka masa : 1 jam 56 minit

Transkrip:

- 48:17 : Yang itu ada saya nukilkan dalam saya punya makalah. Saya tak bacakan semula. Jadi dalam perspektif barat, al-Din itu hanyalah ataupun agama itu sebagai kepercayaan sahaja. Dan dia berbeza dengan apa yang ditekankan di dalam Islam. Sebab itulah Allah SWT tekankan seperti ayat yang saya bacakan tadi. Ya mungkin yang tertulis di situ, tulisannya terbalik. Saya minta maaf sebab sepatutnya dia tak begitu. Mungkin pembicaraan ini tak compatible dan dia tertukar begitu. Yang kedua, penghayatan kehidupan beragama.
- 48:50 : Saya dah bacakan tadi bagaimana hadis Nabi SAW perlukan agama, itulah fitrah manusia. Agama itu nasihat kepada manusia. Jadi sebagai nasihat ini al-Dinun nasihat. Persoalan. Sejauh mana kita hari ini sebagai orang Islam yang wajib bersyukur kepada Allah SWT kerana nikmat yang paling besar ialah Islam itu sendiri. Justru itu, dalam makalah ini, saya menekankan bahawa fitrah manusia sangat memerlukan kepada panduan dan suluhan agama.
- Justru itu, tauhid yang kita fahami memberi kesan kepada kebebasan bercakap tetapi bebas yang bukan lepas. Bebas yang kita susuli dengan tanggungjawab yang saya terjemahkan, tanggung di dunia jawab di akhirat. Itu adalah satu simplicity yang sangat ringkas yang boleh kita fahami tentang bagaimana kesan agama dalam kehidupan kita.
- 49:45 : Seterusnya, dalam bab buku yang pertama, saya telah menukulkan tentang definisi akhlak. Kenapa agama dan akhlak itu menjadi satu rangkuman, satu pautan, satu kaitan yang sangat perlu dikatakan. Tidak boleh dipisahkan. Agama dan akhlak tidak boleh dipisahkan. Kenapa? Sebab agama itu menjadikan akhlak kita sempurna dan tiang agama itu dia saling berkait dengan akhlak manusia. Justru itu, dalam awal slide-slide yang awal tadi saya dah sebutkan, bagaimana cabaran yang dihadapi oleh masyarakat pada hari ini. Dan insyaAllah saya bersyukur kepada Allah Ta'ala kerana lately, graduan-graduan master kami, graduan-graduan PhD kami, banyak juga yang telah memfokuskan kepada cabaran komunikasi alaf baru dan sebagainya. Alhamdulillah. Jadi saya panjangkan pahala ini untuk guru saya lah.



Program

Professorial Lecture UiTM

Anjung Seri Budiman, UiTM Shah Alam

23 April 2026 (Khamis), Jam 9.30 pagi

Nama Professor Dr. S. Salahudin Suyurno
Tajuk Agama Mencorak Komunikasi Berakhlak
Jangka masa : 1 jam 56 minit

Transkrip:

- 50:44 : Yang dulunya beliauah yang mencorakkan, mencadangkan. Ustaz Din, tajuk ni yang paling bagus sebagainya. Alhamdulillah, saya nampak. Terima kasih, tuan guru kerana itu sebagai sumber pahala kita bersama insyaAllah. Seterusnya tuan-tuan hadir sekalian. Lima ciri perbuatan akhlak.
- Pertamanya, tertanam kuat dalam jiwa, dilakukan dengan mudah berlaku tanpa paksa, dilakukan dengan sesungguhnya dan akhir sekali ikhlas kerana Allah Subhanahu wa ta'ala. Inilah yang mana dalam hujahan saya ini, saya hanya memfokuskan agama dan komunikasi sahaja. Mungkin nanti sahabat-sahabat saya dalam bidang mu'amalah, antum boleh fokuskan tentang bagaimana agama itu menyasarkan satu solusi yang terbaik dalam bidang mu'amalah. Mungkin sahabat-sahabat saya dalam bidang halal management tekankan bagaimana agama itu menekankan tentang kursus halal yang sejahtera. Sahabat-sahabat saya yang dalam misalnya undang-undang kekeluargaan, nyatakan bagaimana agama itu boleh membentuk keluarga yang sejahtera dan sebagainya. Sebab kita dalam bidang pengajian Islam, kita menjadi tonggak kepada universiti kita. Tuan-tuan sedar atau tidak sedar, berkata tentang UiTM, kita mensasarkan 200 ribu orang pelajar, 200 ribu orang mahasiswa, 170 orang terdiri daripada pra-pasca kita dan 30 ribu adalah pelajar-pelajar pasca. Jadi insyaAllah sama-sama kita bantu, sama-sama kita tegakkan hasrat universiti kita, insyaAllah. Hadirin sekalian, saya teruskan lagi sebagai lontaran sedikit.
- 52:10 : Apa yang terjadi di dalam martabat alam Melayu kita. Tradisi komunikasi orang Melayu, masyarakat Melayu dalam kajian kita buat, kita boleh tengok bagaimana Hikayat Tun Sri Lanang sebagai contoh. Kita boleh kaji, kita boleh lihat dan kita boleh baca bagaimanakah amalan keagamaan itu menjadi struktur yang sangat utama.
- Kita terkenal dengan bahasa-bahasa yang cukup lunak. Contohnya, komunikasi yang diatur secara bertata tertib, secara beradab. Masyarakat silam selalunya akan menekankan tentang biar bertempat. Bila bercakap, biar bertempat. Selain itu, kita selalu dengar. Cakap siang, pandang-pandang. Cakap malam, dengar-dengar.



Program

Professorial Lecture UiTM

Anjung Seri Budiman, UiTM Shah Alam

23 April 2026 (Khamis), Jam 9.30 pagi

Nama Professor Dr. S. Salahudin Suyurno
Tajuk Agama Mencorak Komunikasi Berakhlak
Jangka masa : 1 jam 56 minit

Transkrip:

- 52:49 : Maknanya, menunjukkan bahawa betapa halusny tradisi moyang, datuk-datuk kita dahulu menekankan tentang persatuan dan juga persefahaman dalam bidang komunikasi. Cakap biar berlapik. Yang melambangkan hierarki dalam masyarakat. Yang tua menyayangi yang muda. Yang muda menghormati yang tua.
Itu satu tradisi. Bahkan bagi saya, saya berkeyakinan tradisi ini bukan hanya dalam masyarakat sahaja. Tetapi dalam organisasi kita sendiri, dalam organisasi UiTM itu sendiri, dalam organisasi IPTA itu sendiri, mesti menekankan konsep yang tua menyayangi yang muda. Yang muda menghormati yang tua. Itu satu perkara yang sangat dituntut. Mohon maaf, sebab pada hari ini sudah tidak begitu.
- 53:38 : Cabaran saya yakin sahabat saya daripada APB, sahabat saya dekan, Dr. Ezan daripada Fakulti Law. Kadang-kadang kita rasa pening. Bagaimana kita nak wujudkan suasana yang cukup harmoni? Kalau dahulu, saya pernah disapa oleh orang Melaka? Saya mula duduk Melaka tahun 2007. Duduk di taman. Kakak-kakak taman mesra dengan saya kata, 'Ustaz, sekarang ini tak sama macam dulu.' "Kenapa yang tak samanya? Sama saja UiTM."
"Tak, dulu kita buat kenduri semua turun Ustaz. Kita buat kenduri dekat surau, semua pelajar turun. Sekarang Ustaz, susahny yang turun, Ustaz."
"Ustaz, Ustaz, Ustaz. Orang lain tak turun." Saya kata, "tak apalah sebab saya duduk taman."
- 54:15 : Jadi, itu dirasai oleh masyarakat taman. Bagaimana dengan kita masyarakat yang bukan taman tapi masyarakat IPT yang ditandakan dengan keilmuan. Contoh lagi, bicara biar beradab. Itu suluhan komunikasi yang kita perolehi daripada masyarakat zaman silam. Hadirin sekalian. Saya mula dengan pengetahuan rukun iman. Seperti saya sebut tadi, saya mulakan dengan hadis Nabi SAW, iaitu tuan-tuan boleh rujuk dalam Sahih Muslim dan Bukhari, tentang bagaimana bila Nabi ditanya oleh Malaikat Jibril tentang apa itu iman, apa itu Islam dan apa itu Ihsan. Di sinilah menonjolkan betapa agama itu merupakan satu perkara yang sangat penting di dalam kehidupan harian kita. Hadirin sekalian.



Program

Professorial Lecture UiTM

Anjung Seri Budiman, UiTM Shah Alam

23 April 2026 (Khamis), Jam 9.30 pagi

Nama Professor Dr. S. Salahudin Suyurno
Tajuk Agama Mencorak Komunikasi Berakhlak
Jangka masa : 1 jam 56 minit

Transkrip:

- 55:05 : Sebelum itu, saya tadi ternampak DJ Din. DJ Din tadi mungkin dia dah ada mesyuarat lain, dia kata nak datang. Sebenarnya elemen inilah yang kami cuba tekankan juga, terapkan juga dalam kepimpinan koperasi kami. Kebetulan, saya juga sebagai timbalan pengerusi yang bagi koperasi kakitangan UiTM yang anggota hampir tujuh ribu orang, kita cuba tekankan bagaimana dalam berkooperasi menghormati satu keperluan. Rujuk pada agama itu satu kemestian. Itu yang kami tekankan. Justeru itu, kalau tuan-tuan yang ahli koperasi lah. Saya bukan nak menguar-uarkan koperasi, bukan. Saya nak tunjukkan betapa tentang kehebatan kita bermuafakat itu disebut sebagai muafakat itu berkat.
- 55:46 : Itulah ajaran dalam tradisi agama kita. Alhamdulillah. Jadi kepada tuan DJ Din tadi yang dikenali dengan DJ Din ataupun UiTM ini, dia faham. Satu UiTM Malaysia kenal beliau. Sudah hadir juga tadi. Saya merakamkan terima kasih kerana kesudian walaupun sebentar. Baik, kepada ini. Tiga domain iman. Pertama domain afektif, domain kognitif dan juga psikomotor. Ini perkara yang biasa dalam pendidikan kita. Bagaimana iman itu al-iqra' al-bilisan. Sebelum itu at-tasdiq bilqalb benarkan dengan hati. al-iqra' al-bilisan wal-amalu biljawar. Itulah keperluan dalam ini. Sebab itulah bila disebut hubungan iman dengan ahlak, sangat-sangat penting. Sebab iman itu menandakan baik akhlak kita. Akhlak itu menandakan baiknya iman kita. Justeru itu, saya pernah ditanya, apa pandangan ustaz? Setengah orang mengatakan, bahasa saya kasar, tapi iman saya baik. Saya kata bila saya rujuk yang ini, saya tak berani nak jawab.
- 56:45 : Sebab ini menunjukkan bahawa sepatut dan selayaknya kedua-duanya mestilah synchronise. Bukan bertembung antara satu sama, bukan satu sama lain. Saya teruskan dengan beriman kepada Allah dan Malaikat. Nak ambil inti patinya. Bagaimana peranan agama dengan rukun iman khususnya dalam mencorakkan komunikasi harian kita. Contoh, bila kita beriman dengan Allah SWT, saya bawakan satu dua contoh saja di sini. Kita mahasiswa ACIS terutamanya, saya ucapkan taniahlah kepada timbalan dekan hal-ewal pelajar, semuanya lah. Yang lama, yang baru. Setiap kali pertemuan, kami untuk pengetahuan yang bagi Prof, Dato', Datin, yang hadir.



Program

Professorial Lecture UiTM

Anjung Seri Budiman, UiTM Shah Alam

23 April 2026 (Khamis), Jam 9.30 pagi

Nama Professor Dr. S. Salahudin Suyurno
Tajuk Agama Mencorak Komunikasi Berakhlak
Jangka masa : 1 jam 56 minit

Transkrip:

- 57:23 : Untuk ACIS, kami wajibkan setiap kali pertemuan masyarakat pelajar ACIS dimulai dalam zaman Prof Rahimi lagi, pelajar-pelajar kita wajib menasyidkan asma'ul husna. Kenapa begitu? Sebab kita nak timbulkan sifat-sifat ini. Misalnya Al-Ghafur. Bila Allah SWT bersifat maha pengampun, justru kita yang yakin dan percaya pada Allah, sifat Al-Ghafur itu, Al-Aziz, Al-Halim itu, perlu kita terapkan dalam kehidupan kita. Begitu juga dengan percaya kepada malaikat. Bagaimana kita meyakini malaikat, rakib dan atid itu mencatat? Inilah yang cuba kita sematkan dalam hati kita. Justru itulah dalam kehidupan beragama, dia ada beberapa terma. Penghayatan, sebelum itu, pengetahuan agama, dia ada kefahaman beragama dan akhir sekali penghayatan kepada beragama. Jadi, tiga komponen ini perlu diselaraskan supaya lahirnya menatijahkan bentuk komunikasi manusia yang sejahtera, insyaAllah.
- 58:19 : Seterusnya, kepercayaan kepada kitab dan rasul. Bagaimana dalam kitab menunjuk beberapa konsep dan prinsip-prinsip komunikasi yang sejahtera? Ada. Qawlan Sadidan, Qawlan Ma'rufan, Qawlan Layyinan dan sebagainya. Ada enam konsep. Ini, kalau kita tekankan dalam kehidupan masyarakat kita, sama ada yang berbicara secara tradisional ataupun kita sampaikan menggunakan media baharu, insyaAllah kita akan rasa sangat-sangat dihargai dan kita akan rasa sangat-sangat menjadi orang yang sentiasa diraihkan kerana kita faham bagaimana menghayati kehidupan ini sebab hidup ini bukan lama, hidup ini bukan lama, hidup ini sementara sahaja.
- 59:01 : Dunia ini kena faham bukan tempat tinggal tetapi dunia ini untuk tempat kita meninggal. Full stop. Kalau kita faham yang itu, insyaAllah kita tidak akan kesana kemari membuat yang perkara-perkara boleh memecahbelahkan masyarakat, kita akan faham. Kita hanya sementara. Sebagai contoh, kita staff UiTM, saya rasa baru semalam saja saya terima surat lantikan sebagai kakitangan kontrak PPI, Pusat Pendidikan Islam. Rasa macam baru semalam sahaja. Cuma tadi Dr. Syahrin bacakan rupanya kira-kira, eh ini dah tahun 30 rupanya. Ya Allah. Sekejap betul rasa.



Program

Professorial Lecture UiTM

Anjung Seri Budiman, UiTM Shah Alam

23 April 2026 (Khamis), Jam 9.30 pagi

Nama Professor Dr. S. Salahudin Suyurno
Tajuk Agama Mencorak Komunikasi Berakhlak
Jangka masa : 1 jam 56 minit

Transkrip:

- 59:37 : Mantan ketua kita, dekan kita Prof Rahimi mungkin 36 tahun. Hampir 36 tahun berkhidmat. Dr. G pun seingat hampir sama juga. 36 tahun. Dr. J, kita kat Malaysia, dekat UiTM ni seronok ya. Prof. G, Prof. J, SSS, nama pun pendek-pendek macam Indonesia. Prof. J pun hampir 30 tahun. Dr. Ezan pun begitu juga. Saya dengan Dr. Izan baru tahu hari ini bahawa Dr. Ezan pernah sekali dengan kami dekat UIA. Rupanya saya sekali UIA. Cuma saya lebih muda daripada beliau lah. Terbalik lah.
- 1:00:17 : Jadi nak sebutnya bahawa bila kita ni dalam hidup bermasyarakat, kitab itu menjadi sandaran iaitu Al-Quran. Rasul itu menjadi pegangan kita, menjadi ikutan kita. Sebab itu contoh ringkas sahaja. Bagaimana saya suruhkan kepada mahasiswa-mahasiswa saya yang saya kasihi. Tadi bila dia alunkan ayat suci Al-Quran, saya kata, Ya Allah, seronoknya. Saya bersebut dengan Prof. J, Prof. J, inilah anak-anak kami.
- 1:00:40 : Tak tahulah, Syeikh, dah ada awek dah? Dia tak jawab, anak “apa Abah tanya ke khalayak ramai. Tak, kalau tak ada, Abah nak jadikan menantu.” Contoh. Bukan apa. Bila dia begitu, masyaAllah kan sejuk hati kita. Justeru itu, dalam konteks hari ini, kita dalam UiTM, kita cuba menonjolkan kepentingan asas-asas agama kita. Quran. Kita jadikan. Tentang Rasul. Semua dah faham tentang saf, siddiq, amanah, fatonah, tablil. Cuma bagaimana dalam konteks komunikasi kita? Adakah telah kita sampaikan perkara-perkara yang benar? Adakah kita telah beramanah dengan maklumat yang kita berikan? Atau bagaimana? Inilah yang menjadi sorotan yang bermain dalam benak kepala saya sehinggalah terbitnya buku yang saya karyakan ini.
- 1:01:32 : Alhamdulillah. Percaya kepada hari akhirat dan qadar-qadar, ringkas sahaja. Bagaimana sebagai seorang Muslim, dalam konteks berkomunikasi, kita kena faham, harus mengurangkan perkara-perkara yang boleh memecah-belahkan. Kerana ada batas dan perbuatan itu yang akan dibalas. Ada ubi, ada batas. Ada budi, ada balas. Walaupun itu secara ringkas, tetapi menusuk dalam kalbu kita. Dalam hati kita. Inilah yang kita harapkan.



Program

Professorial Lecture UiTM

Anjung Seri Budiman, UiTM Shah Alam

23 April 2026 (Khamis), Jam 9.30 pagi

Nama Professor Dr. S. Salahudin Suyurno
Tajuk Agama Mencorak Komunikasi Berakhlak
Jangka masa : 1 jam 56 minit

Transkrip:

- 1:01:59 : Justru kesan dalam komunikasi misalnya beriman kepada qadar dan qadar, ringkas sahaja itu mententeram kan jiwa atas segala ucapan yang diterima. Kita faham. Dalam kadang-kadang kita terima pelbagai bentuk kata-kata yang tidak enak didengar, tapi kita redha.
- 1:02:15 : Itu mungkin dugaan dan cubaan bagi kita. Saya fikir beginilah. Mungkin kita yang mendalami dalam bidang perubatan Islam sebagai contoh. Mungkin orang itu akan diuji dengan bagaimana berhadapan dengan dugaan-dugaan tentang perubatan Islam. Kita yang misalnya dalam bidang bahasa macam Prof. J Bahasa Arab untuk teknologi. Dia pakar dalam Bahasa Arab menggunakan teknologi. Mungkin cabaran beliau bagaimana nak mensintesis teknologi dan bahasa. Mungkin saya yang ditakdirkan oleh Allah Ta'ala menceburi bidang dakwah semasa sebagainya. Mungkin dugaan itu kita kena hadapi.
- 1:02:56 : Terus ke bab yang ketiga, saya ambil masa dalam 10 minit lagi dan insyaAllah biar saya pun tak berhasrat nak panjang sebab saya telah dipesan oleh ramai profesor-profesor yang otai. Mereka kata, "Ustaz, ingat ya, setengah jam saja tahu. "Aku tahu kau kaki ceramah." Dato', Prof, saya cubalah. Sebab bila sebut hubbul mic ini saya pun takut nak kata apa lah kan. Tak apalah, saya cubalah.
- 1:03:25 : Penghayatan rukun Islam dalam komunikasi kita. Bagaimana ciri keistimewaan Islam yang sederhana, kesatuan, antara hidup yang lengkap, keseimbangan dan sebagainya itu di apply kan dalam komunikasi harian kita. Bagaimana Islam itu menyerah diri kepada Allah. Bagaimana komunikasi kita sentiasa memanjatkan apa yang kita sebut kepada Allah Ta'ala. Itu sebagai contoh. Rukun Islam merupakan pokok-pokok akhlak yang sangat utama. Dua kalimah syahadah rukun yang pertama. Bagi orang Islam, kalimah "La ilaha illallah Muhammadur Rasulullah" itu sebagai pengikat. Bagi pelajar-pelajar akademi pengajian Islam, saya minta setelah ini antum semua sila bacalah buku yang dikarang oleh Fatimah kan.



Program

Professorial Lecture UiTM

Anjung Seri Budiman, UiTM Shah Alam

23 April 2026 (Khamis), Jam 9.30 pagi

Nama Professor Dr. S. Salahudin Suyurno
Tajuk Agama Mencorak Komunikasi Berakhlak
Jangka masa : 1 jam 56 minit

Transkrip:

- 1:04:11 : “Limaaza Intimah Lil Islam”. Why do I confess to be a Muslim? Carilah buku itu. Sangat dalam dan sangat menarik.
- 1:04:17 : Bagaimana kita bila bersyahadah, syahadatan itu menjadikan kita orang yang sentiasa ada totokromo kata jawanya. Ada budi bahasanya. Bagaimana kita melontarkan dan menyampaikan idea. Sembahyang kita, gerak kita dan sebagainya menjadikan kita orang yang lunak, yang lembut sebab komunikasi itu bukan sekadar bahasa. Dunia komunikasi, Puan Nisha sebagai contoh, mendalami dalam bidang komunikasi, kita sama sedia maklum. Komunikasi ada yang lisan dan juga bukan lisan. Jadi yang bukan lisan itulah gerakan-gerakan kita ke solat itu menjadikan kita faham tentang ini adalah kefardhuan, ini adalah kewajipan dan ini adalah tuntutan dalam sembahyang. Tertinggal, maka tidak sah. Begitu juga dalam kita bermasyarakat.
- Oleh itu, anak-anak khususnya pelajar ACIS, kalau dulu, saya masa kecil-kecil diajak oleh arwah ayah saya, kalau nak melintas depan orang tua, mesti tunduk hulu tangan. Tunduk. Kalau tak tunduk, balik. Memang boleh faedah. Di sekolah, jangan nakal. Cakap elok-elok. Kalau kita mengadu, kita kena rotan di sekolah, cakap kepada bapak, balik insyaAllah. Kalau cikgu bagi sebelah kiri, bapak tambah sebelah kanan dulu. Tapi sekarang, anak-anak jawablah sendiri.
- 1:05:30 : Kita rasa risau. Tentang sembahyang bagaimana mengawal, menyusun emosi kita. Subuh pagi tadi, Alhamdulillah, solat berjemaah. Doa yang kita lontarkan kepada Allah, itu merupakan kawalan dalam komunikasi kita yang sentiasa merafakkan yang kita buat kehadrat Allah. Zakat dan puasa. Saya ambil puasalah. Zakat saya tinggalkan. Puasa. Kita baru lepas puasa. Ini sampai bulan Zulkaedah. 5 Zulkaedah. Orang dah mula pergerakan haji. Dalam hadis Nabi, ada satu yang cukup memberi kesan kepada kita iaitu Allah SWT tak pandang kepada orang yang meninggalkan makan dan minum ini kalau dia tidak meninggalkan khawla zur. Kalau tidak meninggalkan kata-kata yang buruk. Jadi dengan batasan-batasan, dengan yang dilimitkan oleh hadis berkenaan dengan puasa dan komunikasi ini, jelas menunjukkan bahawa penghayatan agama itu dihayati dengan sebenarnya insyaAllah pasti akan menjadikan kita orang yang sangat faham dan sangat boleh berkomunikasi secara berakhlak.



Program

Professorial Lecture UiTM

Anjung Seri Budiman, UiTM Shah Alam

23 April 2026 (Khamis), Jam 9.30 pagi

Nama Professor Dr. S. Salahudin Suyurno
Tajuk Agama Mencorak Komunikasi Berakhlak
Jangka masa : 1 jam 56 minit

Transkrip:

- 1:06:42 : Haji dan kesimpulannya. Kebetulan kan ini musim haji. Alhamdulillah. Tuan-tuan boleh tengok dalam surah Al-Baqarah ayat 197. Saya baca sikitlah. Tiga perkara ini. Terkait rapat dengan haji. Dan saya percaya bagi Prof, Dato', Datin, tuan-tuan, sahabat-sahabat yang pernah menunaikan fardhu haji. Kalau tak haji pun umrah dalam peak hours itu. Tengok macam mana. Kesabaran kita diuji. Kesabaran kita diuji. Kadang-kadang janji dengan rumah pun jadi marah. Betul tak? Abang tunggu di pintu no. 72. Isteri terdengar pintu 27. Setengah hari tunggu. Tak sampai-sampai mana? Itu contoh. Baru nak cerita tentang menunggu. Itu belum cerita lagi macam-macam. Jadi nak sebutnya dalam perbuatan haji itu sendiri yang merupakan hari perpaduan umat manusia.
- 1:07:40 : Allah telah ajarkan kita bagaimana Allah minta. Jangan kata yang buruk. Jangan bergaduh. Jangan berjidal dan sebagainya. Jadi itu antara kesan yang perlu kita tekankan. Bagaimana elemen agama itu sebenarnya mencorakkan komunikasi kita. Yang terakhir. Tentang ihsan. Ihsan ni macam-macam nama lah. Kalau anak saya yang tingkatan dua, dia kata Ehsan BoBoiBoy. Ihsan. Singgit satu, singgit satu, singgit satu, singgit satu ke singgit dua Wallallahu'Alam lah kan? Saya pun tak tengok lah filem tu. Bila tengok, eh macam tu rupanya. Ihsan ini, dalam masyarakat kita sangat penting.
- 1:08:23 : Dalam masyarakat kita yang hidup dengan batasan dan landasan agama, ihsan itulah menjadikan kita orang yang hebat. Kita mendekatkan diri dengan Allah S.W.T. Musyahadah kita. Kita menyembah Allah seolah-olah kau macam nampak Allah. Kalau kita tak mampu buat macam tu, kita kena yakin Allah pasti sentiasa melihat kita. Bayangkan tuan-tuan. Kalau dalam slide yang pertama tadi saya sebut. Bagaimana berita-berita yang tidak sahih. Berita-berita yang fitnah dan sebagainya. Bebas tersebar sebab manusia sudah jauh daripada sifat tabayyun.



Program

Professorial Lecture UiTM

Anjung Seri Budiman, UiTM Shah Alam

23 April 2026 (Khamis), Jam 9.30 pagi

Nama Professor Dr. S. Salahudin Suyurno
Tajuk Agama Mencorak Komunikasi Berakhlak
Jangka masa : 1 jam 56 minit

Transkrip:

- 1:09:06 : Agama mendekatkan sifat tabayyun tapi masyarakat yang jauh daripada agama mensasarkan sifat tibayyun. Tabayyun tu tabayyun. Tengok, check. Bukan kita tibayyun. Kalau tibayyun hantam mana suka, siapa kena, kita tengok. Dia yang kena kata P. Ramlee. Ataupun dalam filem... Filem yang tu lah. Merompak apa tu kan. Tengok siapa yang kena. Kita bukan begitu. Kita nak melihat bagaimana nak mendamaikan masyarakat dengan panduan daripada agama kita. Bila sebut ciri muhsin yang senaraikan itu, saya nak bacakan lebih ringkas lah. Saya nak pendekkan saja.
- 1:09:43 : Kita kata syarahan profesional ini. Supaya sesuai dengan 30 minit yang diperuntukkan. Keperibadian mutma'innah dalam komunikasi inilah yang kita harapkan. Jadi saya tinggalkan di sini insyaAllah, beberapa sifat, beberapa ciri yang telah digarispandukan oleh Al-Quranul Karim. Yang telah digarispandukan oleh hadis Nabi SAW. Misalnya, Qawlan Sadidan, Qawlan Balighan, Qawlan Maysuran, Qawlan Layyinan, Qawlan Kariman dan Qawlan Ma'rufan. Ini adalah Al-Qawl ataupun Qawlan-Qawlan yang ada dalam Al-Quran yang menegaskan dan yang menekankan betapa manusia yang berpandukan agama, dia misalnya akan sentiasa berkata yang benar. Katakan yang benar walaupun ianya adalah pahit. Ini panduan batas agama. Qawlan Balighan menyampaikan dengan perkataan yang berkesan.
- 1:10:36 : Kita pun sebenarnya, tuan-tuan, kita tengok ibu-ibu kita, ayah-ayah kita, mereka hebat dalam berkomunikasi. Bagaimana seorang ibu boleh berkomunikasi dengan anaknya yang mungkin dua bulan, tiga bulan, empat bulan yang tidak boleh berkata-kata tetapi dengan sign language yang sesuai. Ibu faham, anak faham. Selalu saya bagi contoh kepada pelajar saya. Kita tak boleh gunakan bahasa akademik kepada anak-anak yang umur dua tahun. Wahai Rosli, hendaklah kamu membaca buku ini, selepas itu hendaklah kamu tidur. Pengsan, gelak, ngekek anak-anak itu. Maknanya apa? Cara kita berbicara itu sesuai. Itu yang diajarkan oleh ulama' kita. Bercakap dengan manusia atas kadar keperluan, atas kadar kemampuan. Justeru itu. Memang kita disarankan, terutama dalam menggunakan bahasa-bahasa yang saintifik, kita mudahkan. Kita mudahkan supaya orang ramai lebih faham.



Program

Professorial Lecture UiTM

Anjung Seri Budiman, UiTM Shah Alam

23 April 2026 (Khamis), Jam 9.30 pagi

Nama Professor Dr. S. Salahudin Suyurno
Tajuk Agama Mencorak Komunikasi Berakhlak
Jangka masa : 1 jam 56 minit

Transkrip:

- 1:11:34 : Tapi jangan pula saya sampaikan begitu, nanti mahasiswa kata Prof, boleh itu Prof, kelas saya ini dalam bahasa Inggeris. Saya tak faham bahasa Inggeris. Maka pensyarah itu berdosa. Tak, itu bukan berdosa. Itu maknanya kita yang tak faham. Jangan salah tafsir. Bila subjek itu bahasa Inggeris, kita tak faham, kita kena belajar. Sebab itu kita berada di universiti. Tempat untuk kita mencari, melanjutkan, dan mendalami ilmu kita, insyaAllah. Jadi, dengan adanya sifat dan keperibadian Mutma'innah ini, insyaAllah, lahirlah satu sosok tubuh yang jiwanya sentiasa tenang dan stabil ketika berkomunikasi. Bercakap dengan lemah-lembut, "kariman", menggunakan kemuliaan, menghormati dengan panggilan-panggilan yang sesuai.
- 1:12:20 : Kita ni, mahasiswa sekalian, contoh di universiti. Tengok orang tua, kita tengok, nak panggil dia siapa? Tengok. Panggil Encik ke? Nak panggil Puan ke? Nak panggil Dr ke? Nak panggil siapa ke? Tengok. Supaya panggilan itu sesuai. Sebab dengan kesesuaian panggilan itu, itu menampakkan bahawa kita faham dengan keadaan dan situasi. Seterusnya, mengawal emosi ketika berbeza pandangan, akhlak berbeza pandangan. Pandangan berbeza itu fitrah. Perbezaan pandangan itu rahmat, tapi mestilah disusun, diatur dengan cara yang sebaik mungkin. Itu yang kita nak terapkan dalam masyarakat harian kita pada hari ini. Jadi tuan-tuan, hadirin, profesor, dato', dr yang saya kasih sekalian, tetamu jemputan yang hadir, rakan-rakan fakulti yang hadir, anak-anak mahasiswa yang hadir, ringkasnya beginilah. Agama itu sebagai satu tunjang yang sangat utama dalam kehidupan kita. Dalam konteks ini, saya menekankan betapa penghayatan agama, kefahaman agama itu menjadi tunjang kepada lahirnya sebuah komunikasi yang sejahtera yang akan menjadikan kita sesuai dengan kata Allah SWT, dalam Al-Quran.
- 1:13:37 : Orang Islam itu, kita ni orang mu'min itu, sebenarnya kita adalah bersaudara. Bila bersaudara ini, kita saling nasihat, menasihati, kita mahu bertemu di dalam syurga Allah SWT. InsyaAllah. Tapi ingat, kita faham dalam realiti dunia, dia ada dua perkara. Realiti dan juga realism. Idealism dan juga realism.



Program

Professorial Lecture UiTM

Anjung Seri Budiman, UiTM Shah Alam

23 April 2026 (Khamis), Jam 9.30 pagi

Nama Professor Dr. S. Salahudin Suyurno
Tajuk Agama Mencorak Komunikasi Berakhlak
Jangka masa : 1 jam 56 minit

Transkrip:

- 1:14:00 : Idealnya kita nak begitu tapi kadang-kadang secara realitinya kita terpaksa menghadapi dengan penuh kesabaran atas apa yang diberikan dugaan oleh Allah SWT. Jadi inilah yang disebut sebagai kesimpulan dan arah tujuh masa hadapan. Sudah pastinya kita jadikan Islam itu sebagai rujukan utama, pendidikan komunikasi yang berakhlak. Dalam konteks UiTM sebagai contoh, kita Alhamdulillah, kita ada fakulti komunikasi dan pengajian media. Kita ada Akademi Pengajian Islam Kontemporari dan dalam itu ada subjek-subjek pengajian Islam yang menekankan tentang komunikasi. Kita sangat berharap semoga subjek ataupun study material ini dapat diangkat menjadi suatu perkara yang sangat-sangat diperhalusi oleh semua pihak.
- 1:14:44 : Baik mahasiswa, kakitangan akademiknya, mahupun kakitangan yang bukan akademiknya, supaya universiti kita ini, universiti yang sesuai dan selaras dengan moto utama yang dibacakan oleh Yang Berusaha TDHA kita tadi iaitu usaha, taqwa dan mulia. Itu harapan kita insyaAllah. Jadi hadirin sekalian, kita naklah supaya hidup kita ini seperti yang difirmankan oleh Allah SWT. Hendaklah kita sentiasa menanamkan dalam jiwa kita, bercakap kepada manusia dengan kata-kata yang baik insyaAllah.
- 1:15:17 : Jadi dengan itu, hadirin sekalian dengan penuh kinsafan dan kesedaran, dengan penuh rasa kesyukuran. Saya panjatkan syukur kepada Allah SWT atas didikan guru-guru saya di sekolah rendah, sekolah menengah, universiti sampailah semua peringkat. Hatta sampai sekarang ni, kita masih belajar yang tua belajar dengan yang muda tak ada masalah. Sebab kita faham hidup ini begitulah. Belajarlah daripada mana pun sampailah ke liang lahad. Itu satu yang saya faham.
- Yang kedua, insyaAllah kita dalamilah agama kita dan semoga Allah Ta'ala berkati kita. Jadi kepada prof guru saya, prof dekan, mantan prof dekan, sahabat-sahabat, pemimpin universiti, dekan-dekan yang sudi hadir, rakan-rakan fakulti, rakan-rakan mahasiswa, terima kasih kepada anakanda kita yang telah membaca selawat yang cukup lunak tadi, alhamdulillah. Rasa macam hari pengantin pula pada hari ini. Alhamdulillah diiringi oleh isteri saya, rasa lega dan rasa selamat, sejahtera. Kalau tidak risau kan? Macam mana nak balik Melaka ni. Kang tidur Petronas gamak ni nanti ya. Jadi insyaAllah, terima kasih sekali lagi.



Program

Professorial Lecture UiTM

Anjung Seri Budiman, UiTM Shah Alam

23 April 2026 (Khamis), Jam 9.30 pagi

Nama Professor Dr. S. Salahudin Suyurno
Tajuk Agama Mencorak Komunikasi Berakhlak
Jangka masa : 1 jam 56 minit

Transkrip:

1:16:23 : Yang jauh, yang dekat, sudi bertandang bersama-sama dengan saya, maka saya nak akhiri. Kalau tadi dengan berpantun, saya pun dah buatlah pantunnya. Moga-moga boleh lah dimanfaatkan.

1:16:37 : Anak nelayan memasang jala,
Menanti ikan di waktu pagi,
Media sosial luas terbuka,
Fitnah tersebar tanpa diteliti.

Pergi ke dusun memetik mangga,
Buah dipilih yang elok Sahaja,
Tabayyun itu tuntutan agama,
Sebelum berkongsi berita di maya.

Akhir sekali.

Air mengalir di celah batu,
Jernih terlihat dasar dikali,
Komunikasi berakhlak itu sangat perlu,
Menjamin harmoni sesama insani.

Sekian. Assalamualaikum W.B.T. Syukran jazilan. Terima kasih.